

14 OCT 1998

Mahathir-NATO

DR MAHATHIR TIDAK PERCAYA NATO AKAN SERANG BEKAS YUGOSLAVIA

SHAH ALAM, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak percaya Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) akan melancarkan serangan udara terhadap bekas Yugoslavia kerana "mereka yang ditindas di Kosovo bukan daripada bangsa mereka".

"Kalau bunuh beramai-ramai, mereka akan kata kami akan serang...tapi setakat itu sahaja," katanya.

Katanya, beliau percaya NATO akan membiarkan pembunuhan terhadap penduduk Islam berterusan di Kosovo.

"Bagi dia orang, dia nak mati, matilah," katanya pada persidangan berita di Bangunan Jubli Perak di sini hari ini.

NATO dilaporkan bersetuju menanggukkan serangan udara selama empat hari bagi membolehkan pemeriksa antarabangsa mengesahkan bahawa Presiden Serbia Slobodan Milosevic melaksanakan janjinya untuk menarik keluar tentera Serbia dari Kosovo.

Dr Mahathir berkata kuasa-kuasa besar biasanya akan bertindak jika ia melibatkan diri mereka secara langsung.

Beliau memberi contoh ketika Malaysia meminta tindakan diambil terhadap pedagang mata wang ketika ringgit ditekan, ia tidak dipedulikan.

"Tetapi sekarang ini, kena batang hidung dia, lainlah pula," katanya.

-- BERNAMA

AZH MAI